

17 NOV 1998

APEC-BERITA-KEWANGAN

LANGKAH WUJUDKAN SISTEM KEWANGAN STABIL PERLU

KUALA LUMPUR, Nov 17 (Bernama) -- Malaysia dan China bersetuju ekonomi Apec dan negara-negara lain perlu diyakinkan tentang betapa perlunya mereka mengambil langkah mewujudkan satu sistem kewangan antarabangsa yang stabil.

Satu sistem kewangan antarabangsa yang stabil diperlukan bagi memastikan kesan buruk dari krisis kewangan seperti yang dialami sekarang ini tidak berulang, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah, dalam memberi taklimat selepas pertemuan dua hala Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden China Jiang Zemin di sini hari ini sempena persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec), berkata kegiatan dana spekulasi perlu dikawal.

Untuk itu, beliau berkata kedua-dua pemimpin itu bersependapat bahawa kumpulan G-22 yang terdiri dari negara-negara maju dan membangun mungkin dapat diberi peranan dalam menangani krisis kewangan sekarang.

Katanya, G-22 berkemungkinan diberi peranan meyakinkan negara-negara lain supaya satu langkah diambil untuk mengatasi masalah itu.

Beliau berkata langkah menangani krisis kewangan itu perlu untuk memastikan ekonomi negara-negara yang sedang meningkat maju tidak lagi menghadapi seperti apa yang dialami sekarang.

Kumpulan G-22, yang ditubuhkan tahun lalu berikutan krisis ekonomi, terdiri dari ahli-ahli kumpulan G-7 (Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Itali, Perancis, Jepun dan Kanada) dan negara-negara membangun termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, India, China, Afrika Selatan, Brazil, Argentina, Korea Selatan dan Russia.

-- BERNAMA

THG MA